

# Kemanusiaan Membumi Melangit Tinggi: Masuri SN (1927-2005), KeSingapuraan dan Keuniversalan\*

*oleh*

Azhar Ibrahim Alwee  
Institut Pendidikan Nasional

“An intellectual does not grow in isolation. He owes his existence to the general intellectual milieu providing around him, from which he derives his character, strength and vision, and to the enrichment of which all his intellectual activities are directed.”

*M*asuri S N sebagai inteligentsia kesusasteraan Melayu moden adalah sekaligus tokoh kebudayaan dan keintelektualan yang dikenali dan disegani ramai. Ketokohan beliau ini boleh dipanggil sebagai *ideologue intelektual* kerana beliau mengajukan secara konsisten, kepada masyarakat Melayu, (ataupun khalayak sejagat) akan peripentingnya hidup yang memberati persoalan kemanusiaan, yang barang tentu menyangkuti pelbagai daerah kehidupan. Bagi beliau, kemanusiaan harus ada dalam sastera, dan kemanusiaan itu adalah jalan pemberi makna kepada kehidupan ini. Baginya, inilah jalan yang mengelakkan ketidakmanusiaan (*dehumanization*) dari menghempiti kita. Sebagai seorang penyair yang ada visi profetis yang kritis, beliau memperingatkan dengan lunak bahawa ketidakmanusiaan yang kian melanda kehidupan hari ini harus dikenalpasti, langsung dihindari.

Terdapat tiga segi kemanusiaan yang boleh kita perhatikan dalam pemikiran Masuri. Pertama, rasa keterikatannya pada nasib manusia Melayu yang hidup disekelilingnya, teristimewa kepedulian partikular beliau terhadap Melayu Singapura dan kehidupan nasionalnya. Kedua, pemihakan kepada mereka yang tersenyap dan terlupa dalam kehidupan hari ini. Dan ketiga, rasa komitmen yang tinggi sebagai inteligentsia untuk menjadi api penyedar

---

\* Disampaikan dalam seminar di Institut Pendidikan Nasional pada 7 Mac 2007.

Dalam pembinaan budaya di dalam dunia moden ini, terpanggil dalam setiap masyarakat, untuk mengenali warisan cita sempurnanya (*historical idealism*). Masuri tentunya akan terakam sebagai tokoh yang patut dicontohi, sedang sumbangan beliau ini harus terus dihidupkan, ditambah dan diperhalusi sepanjang zaman guna generasi mendatang. Keterabaian kita mengingati tokoh yang pernah kita sanjungi boleh berlaku, dan sayangnya sudah pun berlaku. Sumbangan Masuri yang besar sayugia memperingatkan kita mengelaki jalan buntu seperti itu. Persoalannya sekarang ialah bukan untuk sekadar mengingati Masuri dengan kalungan hormat dan pujian, tetapi kita tergerak untuk membangun suasana bersastera yang ampuh, tersedia dengan institusi yang menyokong, serta adanya terbagun budaya mengkritik sastera setempat agar sastera terus teruji mengarah kepada yang terbaik. Berdasarkan takrif Tzveran Todorov tentang dua ciri utama sang intelektual, ianya amat bertepatan untuk Masuri, sebagai *litterateur* masyarakatnya:

“The first is that the individual in question is engaged in an activity of the mind resulting in the production of a work .....The second is that the individual is not content simply to produce a work but is also concerned about the state of society and participate in public debate. A poet shut off in an ‘ivory tower’ or a scientist in a laboratory is not an ‘intellectual.’”

Jelasnya, Masuri bukanlah seorang penyair salon yang asyik memuji atau termadat mahu dipuja. Beliau adalah seorang penyair, pendidik dan inteligentsia Melayu yang terkedepan dalam pembudayaan soal kemanusiaan, estetik dan keintelektualan dalam masyarakat Melayu setempat, dan juga seNusantara. Keperihatinan beliau amat menyentuh, kritis beliau menusuk, dan ajuan beliau melegakan.

Dengan mengangkat sebagai tokoh di mana karyanya terkalung sebagai salah satu kanon dalam perbendaharaan sastera Melayu, adalah sebaiknya pula kita melihat Masuri sebagai inteligentsia pendidikan Melayu yang menyanggupi suatu visi kehidupan yang mengikhtiraf kemanusiaan sejagat serta kepekaan kepada nuansa-nuansa setempat yang diperdulikan beliau. Dari suara dan pahatan puisi Masuri, terlaung rasa suka, derita, cita dan hiba anak bangsa, betapapun tentu, setiap nurani yang sedar, tidak dapat tidak, dapat memperkaitkan dengan apa yang disuarakan Masuri.

Makanya, sekadar mengangkat Masuri sebagai penyair sebenarnya adalah, secara tidak langsung, kita memperkecil sumbangan beliau. Justeru itu, kajian selanjutnya yang harus terkupas ialah yang bukan saja ingin mengambil beberapa petikan terbaik dari karya-karya beliau, tetapi juga menyediakan himpunan karya-karya prosa beliau, khususnya esei-esei beliau, yang memperlihatkan kematangan dan keperdulian Masuri sebagai inteligentsia Melayu yang hidup berharap kemanusiaan berlangit tinggi, tetapi berbudi kepada bumi yang ia diami.

### **Masuri dan Melayu Singapuranya**

Pemikiran seseorang itu tidak dapat tidak terkondisi oleh alam persekitarannya, iaitu oleh manusia yang disekelilingnya, sehingga disebut Georg Lukacs “*every writer is the son of the age.....it is very difficult for the writer really to free himself from the currents and fluctuations of his time and, within them, from those of his class.*” Tapi pengkondisian itu tidaklah bererti bahawa sang penyair/pengarang itu tidak ada langsung bakat atau genius tersendiri. Umumnya, kematangan kepenyairan dan pemikiran Masuri bolehlah kita padankan dengan kematangan manusia Melayu di Singapura, yang bergerak beransur mengenali dan membina jatidirinya, memperkukuh martabat dan kehormatannya, serta mempertahankan harga diri dan maruahnyanya. Rasa kemanusiaan dan tekad membina manusia dan masyarakat baru sering terpahat dalam puisi beliau. Kalau ada suara yang banyak merintih kehidupan moden yang memukul “keotentikan” kehidupan Melayu Singapura, Masuri tidak pula merintih pilu dengan kenangan yang sudah berlalu. Sifat membumi amat beliau tekankan dalam *Bina*:

*Bina sekarang*

*tapak rumah kakimu*

*di atas tanahmu*

*segala kekayaan*

*tradisi yang menimbun*

*bersihkan semua jalan sarap*

*buat kelancaran sikap sergapmu*

Dalam kehidupan yang baru terlepas dari penjajahan beberapa dekad yang lalu, yang masih terpuak dalam masyarakat, baik rakyat maupun pemimpin ialah kekerdilan diri yang dihempitkan dalam proses sejarah, sama ada oleh feudalisme, kolonialisme dan kapitalisme rakus. Ini dirasakan menjadi penghalang mental untuk masyarakat Melayu terkedan dengan psikologi yang bersedia mengharungi cabaran dan keresahan. Ertinya, diperlukan harga diri anak bangsa yang mahu berdiri sama tinggi dengan kelompok lain dalam masyarakat zaman ini, terolah dalam *Kami Anak Zaman Ini*, yang bermula dengan:

*Kami anak zaman ini  
mewarisi tujuh turunan papa sekali  
dalam darah kami mengalir pasti  
pusaka poyang sejak zaman bahari*

Dan disimpulkan dengan penegasan harga diri dan martabat bangsa yang tidak mahu diperlekeh

*Kami anak zaman ini  
tidak mahu mengemis sesuap nasi  
kerana bumi kami telah memabat janji  
kami punya hak untuk hidup berdaulat tinggi*

Dalam konteks manusia Melayu Singapura yang hidup di tengah kehidupan kota yang deras dan pantas, Masuri melihat pelbagai cabaran dan masalah. Tapi dia tetap optimis dalam *Kota*:

*Mengerti mengerti  
hidup ini kota ini  
di tangan kanan di tangan kiri  
mesti mengisi mesti memberi*

Masuri adalah manusia yang tidak mahu kalah di saat sikap ketewasan menghimpit di kalangan kita. Dalam *Tentang Erti*, disuarakan beliau:

*Bukan niat hidup pula mesti mendoa dan merarap  
Kita diberi bekal—perjuangi segala akal,  
Kita bakal kembali tapi selesainya lebih bererti  
Daripada terus hidup kesimpulannya hanya mati*

Sudah tentu karya beliau lambang *genius* dan keprihatinannya sebagai penyair. Namun pada masa yang sama, terpantul di dalamnya, pengalaman kehidupan masyarakat Melayu Singapura yang beliau kenali dan hidup di dalam dan bersamanya.

### **Kearifan dalam Pemihakan**

Tidak syak lagi, seorang penyair dan penulis agung itu, adalah sebahagian dari barisan intelektual anak bangsanya. Sering beliau mengaju kepada insan supaya berbakti, baik untuk negara, bangsa dan agama. Tapi bakti ini tidak boleh eksklusif, melainkan ia inklusif, seperti dinadakan dalam *Cara Berbakti*:

.....  
*dicurahkan kepada siapa yang melintas sempadan  
tiada peduli hina mulia dan ukuran binaan*  
....  
*tidak peduli kepada siapa harus diberi  
tidak kira kepada siapa harus menerima*

Dan pemihakan beliau kepada mereka yang terpinggir dan tertindas di saat yang lain melimpah ruah dengan kesenangan dan kemewahan, amat jelas; sebagaimana yang diluahkan beliau dalam puisi *Ini Nasi yang Kusuap*, dengan niat membawa kesedaran pada kita:

*Ini butir nasi yang kukunyah  
Sedang kutelan melalui tekak basah*

*Jadi dari darah mengalir  
Dalam badan gerak berakhir*

....

*Ini budi yang kusambut  
Pemberian lumrah beranting dan bertaut  
Ini nasi hasil dari kerja  
Kembali pada siapa yang patut menerima*

*Jadi yang kumakan bukan berasal dari nasi  
Tapi pelub, darah dalam isi mengalir pasti  
Jadi yang kutelan bukan berasal dari padi  
Tapi dari urat dari nadi Seluruh Pak Tani*

Setiap intelektual terbilang bukan setakat kerana ketukangan intelektualnya itu bermutu tinggi dek ketekunannya, tetapi ia perlu ada visi berkenaan apa yang terbaik. Visi ini menjadi matlamat dan arahnya masyarakatnya, sehingga ia terus menjadi tekad untuk berusaha ke arah itu, betapapun ada banyak rintangan dan dugaan.

Pemberdayaan dalam bahasa sudahpun beliau yakini. Katanya:

“Sebaik-baiknya pada awal-awal lagi kita menyedari bahawa yang disebut sastera imaginatif itu pada hakikatnya adalah hasil dari bahasa. Menerusi dan menggunakan bahasa sebagai alatnya, seorang pengarang itu berhasil melahirkan sastera imaginatif tadi. Oleh yang demikian, mendalami hal-hal tentang kesusasteraan, ada baiknya kalau ditinjau dahulu lebih dalam tentang bahasa.”

Hanya dengan bahasa yang mampu memberi kesedaran dan pemberdayaan manusialah yang tentunya menjadi keprihatinan beliau.

## Sasterawan Sejati Penerang Erti dan Visi

Masuri menganggap sasterawan yang sejati sekaligus sebagai intelektual yang harus “memainkan perawanan dan tanggungjawab sebagai jurubicara masyarakat dan zamannya.” Ianya memiliki ciri-ciri berikut: (a) tidak menjadi ‘pak turut’; (b) membantah apa jua yang mencengkam, sehingga menjadi ‘pengacau standardisasi’; (c) mempengaruhi keadaan semasa; (d) berfikiran kritis mempersoal hal-hal yang bersalahan, dan (e) tidak konformis dalam ertikata “bertindak di luar dugaan dan akal fikiran logis orang kebanyakan.” Masuri mengupas lebih lanjut keperibadian manusia yang bergelar *sasterawan sejati* itu:

“Seorang sasterawan sejati, jauh dalam rongga jiwanya, biasanya memiliki semangat tidak ingin bersegera menyetujui, sikap ‘menyesuaikan dirinya’ dengan keadaan sekitarnya...berani menemui cabaran dan bersikap mengatasi status quo dalam zaman yang dihadapinya; yakni ketika ia melihat golongan yang kurang bernasib baik itu kurang disuarai dalam masyarakatnya, serta dirasakan pula tersebut kelihatan dalam keadaan tertekan atau tertindas. ...[S]eorang sasterawan sejati yang bertanggungjawab terhadap hasil-hasil penulisan akan sentiasa mewajarkan seorang yang ‘melawan zamannya.’ Tetapi dengan berkata begini, bukanlah bermakna seseorang sasterawan itu sengaja ‘bersastera-sasteraan’ dengan menulis perkara yang murung dan negatif. Jelasnya, ia tidaklah menulis sebebas-bebasnya, segeram-geramnya sehingga *‘to have neither a sense of direction nor a sense [of] moral responsibility.’* Pun sasterawan sejati, lazimnya tidak akan dengan angkuhnya meluahkan *‘personal rage’*nya sebagai ganti tanggungjawab terhadap masyarakatnya.”

Sememangnya apa yang dikatakan Masuri ini amat penting sebagai peringatan yang kabur dek kerana mengidentifikasikan menjadi radikal sok jagoh menentang sesuatu dalam ragam yang amat anarkis. Yang dibutuhkan ialah adanya kestabilan, terus cerdas tanpa menjadi culas, sepertimana yang pernah diingatkan oleh Rendra bahawa akan ketidakwajaran eksentriksitas, apabila karya menjadi “cengeng, sebuah gambaran berlebih-lebihan dan penuh benjol-benjol,” dan jauh pula dengan kesuraman yang gelap hitam. Sambung Masuri, sasterawan sejati itu harus:

“memiliki visi dan sikap hidup yang dinamis dan terbuka. Bersikap tenang, waspada, tapi tidak diam membeku. Kelihatan pada luaran seperti tidak serius, tetapi di dalam jiwanya bergelora ombak yang tidak pernah berhenti melandai pantai. Bersikap rendah hati, tapi ‘tunduk kepala bukan minta dipijak.’ Bersikap cuba menyuarakan hatinya, agar anggota masyarakatnya berdikari dalam menghadapi tentangan zaman yang dihadapinya,...Inilah titik tolak perjuangan seorang sasterawan sejati, yakni dengan penuh semangat dan harapan agar masyarakatnya terus maju dan dapat mengatasi segala cabaran yang hendak meneggelamkan bahasa, sastera, budaya dan peradaban umat manusia.”

Lain perkataan, semangat perjuangan itu tidak mudah menjelma sebagai radikalisme murahan yang senang saja berdentuman geram dan bercanang hamun. Tetapi adakah ianya perkiraan kebijaksanaan, berhemah dengan *radikalisme sejati* dalam pengertian falsafah, iaitu radikalisme yang mendalami hingga ke akar umbi akan sesuatu perkara yang dibebani manusia? Jelasnya, Masuri adalah anak bangsa yang secara *consistent* dan *persistent* mahu merenung akan perjalanan hidup manusia Melayu disekelilingnya. Mencari pemaknaan dalam hidup, iaitu salah satu kepedulian dalam kemanusiaan, baik sekali disimpulkan oleh Masuri sendiri:

“Puncaknya – kita hendak melarikan diri (rohani) ke mana? Barangkali boleh melarikan diri (jasmani) belayar, menyelam laut dalam. Mendaki gunung tinggi, menembusi hutan belantara. Tetapi apakah ini semua akan menyelesaikan masalah? Duduknya ketenteraman, kedamaian itu ada di dalam hati kita masing-masing”

\*\*\*\*\*